

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Hal Ehwal Pelajar
Sent: Thursday, December 31, 2015 8:39 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Mohd Dino Khairri Bin Shariffuddin; Azhar B Anis Mohammad; SITI ZULAIHA BINTI AHMAD
Subject: HEP ONLINE: DPP SME BANK ANJUR PROGRAM GOTONG ROYONG DI KAMPUNG PANTAI JAMAI, LANGGAR



“UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA”
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

31 DISEMBER 2015, KHAMIS | 19 RABIULAWAL 1437H



DPP SME BANK: Mengenali kawasan perkampungan tradisional, Kampung Pantai Jamai, Mukim Langgar, Alor Setar pasti suatu pengalaman yang sukar dilupakan. Program yang dianjurkan oleh Biro Komuniti, Integrasi & Antarabangsa melibatkan khidmat bakti 40 orang mahasiswa/i Dewan Penginapan Pelajar SME Bank yang menyertai program Bakti Siswa Gotong Royong Perdana selama dua hari satu malam.

Program dimulakan dengan majlis penyerahan anak angkat kepada 20 keluarga yang terlibat, iaitu kesemua peserta program tinggal bersama keluarga angkat masing-masing sepanjang program dijalankan.

Rata-rata peserta menyifatkan program berkenaan membuka peluang kepada mereka untuk mengenali sekitar kawasan tempat mereka menimba ilmu serta membina jati diri para peserta. Selain itu, ia juga dapat merapatkan lagi hubungan sesama kenalan baru dengan melakukan aktiviti kemasyarakatan bersama-sama dengan penduduk kampung.

Program yang disempurnakan dengan perasmian oleh Yg Berbahagia Dato' Said Ali bin Syed Rastan, DSDK. JP. disamping penduduk Kampung Pantai Jamai serta peserta-peserta bakti siswa.

Pengarah program, Ainul Yakin Bin Hawafi, 19, berkata, tujuan utama program tersebut adalah untuk membantu dan memberi khidmat kepada masyarakat kampung selain mempromosikan perkampungan tersebut sebagai pusat informasi pelancongan berasaskan ekopelancongan.

Di samping berpeluang mendekati dan menjiwai kehidupan masyarakat Kampung Pantai Jamai, penganjuran program itu juga mampu mencerminkan kematangan mahasiswa khususnya dalam penganjuran berbentuk khidmat komuniti seperti gotong royong dengan membersihkan kawasan sekitar.

Antara aktiviti yang dilakukan bersama penduduk kampung ialah aktiviti semakin jauh semakin sayang, makan epal gantung, tiup belon sampai pecah 3 kategori, cari gula-gula dalam tepung, belon air bersama emak angkat, futsal dan tarik tali. Program sebegini perlu diteruskan di masa akan datang oleh para pelajar agar dapat menimba pengalaman baru yang tidak dapat diperolehi di dalam kampus.

Daripada

Jabatan Hal Ehwal Pelajar

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok, Kedah

Tel: 04 – 928 4011

Faks: 04 – 928 4016

Web: www.hep.uum.edu.my

Emel: hep@uum.edu.my

Facebook: <https://www.facebook.com/hep.uum>

Blog: <http://hepuum.blogspot.com/>

